

LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG

DAERAH : TEMERLOH
HUTAN SIMPAN : KRAU
KOMPARTMEN : 34 - A

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Temerloh/ Bera dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan di bagi tempoh 2015 sehingga 2020.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Paya Luas dan Kampung Pasu, Mukim Jenderak 1, untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, hasil kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan respon awal yang diberi oleh para responden, tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Bahkan dengan adanya aktiviti pembalakan tersebut dijangka berlakunya peningkatan ekonomi penduduk setempat, penambahbaikan infrastruktur, tiada penularan penyakit berjangkit, tiada gejala sosial negatif yang akan mempengaruhi penduduk setempat, perubahan alam sekitar dalam keadaan terkawal dan kepelbagaian flora dan fauna dapat dipelihara.

Secara keseluruhannya, wakil penduduk Kampung Paya Luas dan Kampung Pasu, Mukim Jenderak 1 bersetuju akan aktiviti pembalakan yang akan berlangsung di HS Krau kelak.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang mula kuatkuasa tahun 2019)

Berdasarkan respon daripada penduduk setempat, didapati penduduk di sekitar HS Krau menjadikannya sebagai pergantungan dari segi sumber makanan (buruan, ikan, tumbuhan) untuk saaraan hidup, hasil-hasil hutan dan kawasan untuk aktiviti riadah dan keagamaan.

Didapati dengan berlangsungnya aktiviti pembalakan pembekalan air minum komuniti adalah tidak menjejaskan dari segi kualiti, kuantiti dan punca. Selain itu juga, tiada impak pembalakan ke atas air sungai dan pengangkutan sungai dari segi kedalaman/ paras air sungai, keladak/ kekeruhan air sungai, pengangkutan persendirian sungai, kekerapan banjir air sungai, kemungkinan banjir lumpur dan pencemaran air sungai (disebabkan minyak hitam/ diesel).

Selain itu, aktiviti pembalakan tidak menjejaskan ekonomi tempatan seperti bekalan hasil hutan, bekalan hasil sungai dan aktiviti eko-pelancongan. Pembalakan di kawasan berhampiran tidak menggunakan tenaga pekerja daripada penduduk setempat dari aspek kerja-kerja sebelum dan semasa aktiviti pembalakan berlangsung. Hal ini kerana, kerja-kerja tersebut memerlukan kemahiran dan kakitangan yang terlatih bagi mengelakkan kemalangan daripada berlaku.

Hasil daripada maklumbalas yang diterima daripada penduduk setempat, pembalakan tidak menjejaskan aktiviti ekonomi tradisional / baharu komuniti tempatan. Manakala, dari segi sosial, wakil penduduk telah memberi maklumbalas bahawa berlaku perubahan setelah jalan balak dibina. Antara perubahan-perubahan tersebut adalah dari segi penggunaan hasil hutan oleh komuniti dan orang luar meningkat, peningkatan aksesibiliti orang luar memasuki perkampungan serta lain-lain lagi.

Selain itu juga, aktiviti pembalakan telah sedikit menjejaskan keselesaan/ keselamatan/ kesihatan komuniti tempatan seperti keadaan jalan kampung, keselamatan lalu lintas di jalan kampung dan persekitaran serta kualiti udara akibat laluan kenderaan balak turut terjejas. Walaubagaimanapun, hal ini dapat ditangani dengan membuat kawalan pergerakan dan masa untuk lori balak keluar masuk melalui kawasan kampung. Kesan daripada aktiviti pembalakan pengetahuan dan kemahiran tradisional sedia ada tidak menjejaskan pengetahuan dan kemahiran tradisional penduduk tempatan bahkan dapat menguntungkan komuniti tempatan.

Secara keseluruhannya, wakil penduduk berpendapat kawasan penduduk kurang terjejas dengan kesan pembalakan terhadap keindahan hutan.

SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang mula kuatkuasa tahun 2019)

Berdasarkan maklumbalas daripada penduduk setempat, didapati penduduk di sekitar HS Krau menjadikannya sebagai pergantungan dari segi sumber makanan (buruan, ikan, tumbuhan) untuk saran hidup, hasil-hasil hutan dan kawasan untuk aktiviti riadah dan keagamaan.

Didapati dengan berlangsungnya aktiviti pembalakan pembekalan air minum komuniti adalah menjejaskan dari segi kuantiti dan punca. Di samping itu juga, kesan daripada aktiviti pembalakan ianya menjejaskan pembekalan air untuk pertanian dan juga untuk penternakan ikan. Selain itu, impak pembalakan telah menyebabkan adanya kesan ke atas air sungai dan pengangkutan sungai dari segi kedalaman/ paras air sungai, keladak/ kekeruhan air sungai, kekerapan banjir air sungai. Walaubagaimanapun, didapati tiada kesan ke atas kemungkinan banjir lumpur, pencemaran air sungai (disebabkan minyak hitam/ diesel) dan pengangkutan persendirian sungai.

Selain itu, pembalakan di kawasan berhampiran telah menggunakan tenaga pekerja daripada penduduk setempat dari segi kerja-kerja selepas aktiviti pembalakan berlangsung. Hal ini kerana, kerja-kerja tersebut melibatkan penubuhan tapak semaian, penanaman semula di kawasan bekas pembalakan dan tanaman mengaya.

Hasil daripada maklumbalas yang diterima daripada penduduk setempat, pembalakan telah memberi manfaat kepada aktiviti ekonomi tradisional / baharu komuniti tempatan. Manakala, dari segi sosial, wakil penduduk telah memberi maklumbalas bahawa terdapat perubahan ke arah kebaikan dan keburukan kepada penduduk tempatan setelah jalan balak dibina. Antara perubahan yang membawa kepada kebaikan adalah tersebut adalah penggunaan hasil hutan oleh komuniti meningkat, peningkatan kemasukan pembeli (orang tengah) berdaya tinggi dapat memanfaatkan pembekal tempatan, meningkatkan tahap pendidikan dalam kalangan komuniti tempatan, memudahkan aksesibiliti antara kampung-kampung berdekatan serta pembinaan jalan hutan dapat memudahkan penduduk berulang alik ke tempat kerja.

Selain itu juga, aktiviti pembalakan telah sedikit menjejaskan keselesaan/ keselamatan/ kesihatan komuniti tempatan seperti keadaan jalan kampung, keselamatan lalu lintas di jalan kampung dan persekitaran serta kualiti udara akibat laluan kenderaan balak turut terjejas. Walaubagaimanapun, hal ini dapat ditangani dengan membuat kawalan pergerakan dan masa untuk lori balak keluar masuk melalui kawasan kampung. Kesan daripada aktiviti pembalakan pengetahuan dan kemahiran tradisional sedia ada dapat menguntungkan komuniti tempatan.

Secara keseluruhannya, wakil penduduk berpendapat kawasan penduduk kurang terjejas dengan kesan pembalakan terhadap keindahan hutan.

PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG

DAERAH : TEMERLOH
HUTAN SIMPAN : KRAU
KOMPARTMEN : 19

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Temerloh/ Bera dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan di bagi tempoh 2016 sehingga 2018.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Gong Halt, Mukim Jenderak 1, untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, hasil kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan respon awal yang diberi oleh para responden, tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Bahkan dengan adanya aktiviti pembalakan tersebut dijangka berlakunya peningkatan ekonomi penduduk setempat, penambahbaikan infrastruktur, tiada penularan penyakit berjangkit, tiada gejala sosial negatif yang akan mempengaruhi penduduk setempat, perubahan alam sekitar dalam keadaan terkawal dan kepelbagaian flora dan fauna dapat dipelihara.

Secara keseluruhannya, wakil penduduk Kampung Halt, Mukim Jenderak 1 bersetuju dengan aktiviti pembalakan yang akan dijalankan di HS Krau dan mengharapkan aktiviti pembalakan yang dilaksanakan oleh pihak pelesen dapat dijalankan secara beretika di bawah pemantauan pihak Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera supaya flora dan fauna tidak terganggu dan pupus kelak.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Semasa aktiviti pembalakan dijalankan di HS Krau, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Halt, Mukim Jenderak 1 adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan spesies kepelbagaian flora dan fauna terancam dan tiada bantahan diterima bagi meneruskan aktiviti pembalakan di HS Krau.

SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Setelah aktiviti pembalakan dijalankan di HS Krau, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Halt, Mukim Jenderak 1 adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan

kebakaran hutan, pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan spesies kepelbagaian flora dan fauna terancam dan tiada bantahan diterima daripada penduduk setempat setelah aktiviti pembalakan selesai dijalankan.

PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG

DAERAH : Kuantan/ Pekan/ Maran
HUTAN SIMPAN : Bukit Kuantan
KOMPARTMEN : 5 (Blok A) dan 10 (Blok B)

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Kuantan/ Pekan/ Maran dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan di bagi tempoh 2016 sehingga 2018.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan, untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, dapatan kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan respon awal yang diberi oleh para responden, tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Bahkan dengan adanya aktiviti pembalakan tersebut dijangka berlakunya peningkatan ekonomi penduduk setempat, penambahbaikan infrastruktur, tiada penularan penyakit berjangkit, tiada gejala sosial negatif yang akan mempengaruhi penduduk setempat, perubahan alam sekitar dalam keadaan terkawal dan kepelbagaian flora dan fauna dapat dipelihara.

Secara keseluruhannya, wakil penduduk Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan bersetuju dengan aktiviti pembalakan yang akan dijalankan di HS Bukit Kuantan dan mengharapkan aktiviti pembalakan yang dilaksanakan oleh pihak pelesen dapat dijalankan dengan baik dan terkawal di bawah pemantauan pihak Pejabat Hutan Daerah Kuantan/ Pekan/ Maran.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Semasa aktiviti pembalakan dijalankan di HS Bukit Kuantan, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan spesies kepelbagaian flora dan fauna terancam dan tiada bantahan diterima bagi meneruskan aktiviti pembalakan di HS Bukit Kuantan.

SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Setelah aktiviti pembalakan dijalankan di HS Bukit Kuantan, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya

peningkatan kebakaran hutan, pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan spesies kepelbagaian flora dan fauna terancam dan tiada bantahan diterima daripada penduduk setempat setelah aktiviti pembalakan selesai dijalankan.

PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG

DAERAH : Kuantan/ Pekan/ Maran
HUTAN SIMPAN : Remen Chereh
KOMPARTMEN : 115 - A

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Kuantan/ Pekan/ Maran dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan bagi tempoh 2016 sehingga 2018.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan, untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, dapatan kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan respon awal yang diberi oleh para responden, tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Bahkan dengan adanya aktiviti pembalakan tersebut dijangka berlakunya peningkatan ekonomi penduduk setempat, penambahbaikan infrastruktur, tiada penularan penyakit berjangkit, tiada gejala sosial negatif yang akan mempengaruhi penduduk setempat, perubahan alam sekitar dalam keadaan terkawal dan kepelbagaian flora dan fauna dapat dipelihara.

Secara keseluruhannya, wakil penduduk Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan bersetuju dengan aktiviti pembalakan yang akan dijalankan di HS Bukit Kuantan dan mengharapkan aktiviti pembalakan yang dilaksanakan oleh pihak pelesen dapat dijalankan dengan baik dan terkawal di bawah pemantauan pihak Pejabat Hutan Daerah Kuantan/ Pekan/ Maran.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Semasa aktiviti pembalakan dijalankan di HS Remen Chereh, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Sebagai tambahan, terdapat beberapa perkara yang telah diambil inisiatif oleh pihak pelesen pembalakan semasa kerja-kerja pembalakan antaranya ialah wakil penduduk tempatan telah dimohon kebenaran untuk menggunakan jalan-jalan yang melibatkan kebun/ tanah milik perseorangan komuniti di Kampung Batu 6, Kolek ini. Selain daripada itu, sedikit sebanyak barangan hasil pengeluaran komuniti setempat seperti kraftangan dan ubat-ubatan dibeli oleh para pekerja sektor pembalakan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjana ekonomi penduduk setempat.

Secara keseluruhannya tiada bantahan diterima bagi meneruskan aktiviti pembalakan di HS Remen Chereh.

SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Setelah aktiviti pembalakan dijalankan di HS Remen Chereh, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Batu 6, Kolek, Mukim Ulu Kuantan adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan kebakaran hutan, pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya tiada bantahan diterima daripada penduduk setempat setelah aktiviti pembalakan selesai dijalankan.